

<b>Headline</b>	<b>TNB rampas takhta liga raih kemenangan bergaya</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>15 Jan 2019</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>160,000</b>	<b>Readership</b>	<b>509,000</b>
<b>Section</b>	<b>Sukan</b>	<b>Page No</b>	<b>54,56</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>314 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 16,068</b>		



54

## **TNB rampas takhta liga raih kemenangan bergaya**

JUARA Piala Tan Sri P Alagendra, Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjaya merampas kedudukan teratas saingan Liga Hoki Malaysia 2019 daripada Maybank setelah meraih kemenangan bergaya 10-0 ke atas Nurinsafi/Hoki Kedah pada aksi kedua Divisyen Premier di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, kelmarin.

Kejayaan itu merupakan kemenangan kedua berturut-turut yang dilakar skuad kendalian Nur Saiful Zaini Nasiruddin untuk mengumpul enam mata.

Pada pertemuan itu, TNB selesa mendahului 7-0 pada babak pertama perlawanan hasil jaringan Firhan Ashaari (minit 10), Norshafiq Sumantri (minit 15), Tengku

Ahmad Tajuddin Tengku Abd Jalil (minit 18), Shello Silverius (minit 19), Nik Muhammad Aiman Nik Rozemi (minit 25), Muhammad Azrai Ajizad Abu Kamal (minit 27) dan Mohamad Akhirullah Anuar Esook (minit 30).

TNB kemudiannya terus menggalas dengan melebarkan jaringan gol masing-masing menerusi Muhamad Ramadhan Rosli (minit 47), Muhamad Noor Firdaus Rosdi (minit 48) dan Mohamad Akhirullah pada minit ke-57.

Mankala Juara Piala Sumbangsih, Kelab Hoki Terengganu (HTH) turut merakam kemenangan sulung mereka selepas mewekaskan pasukan

Stadium Hoki Batu Buruk untuk berada di tangga kedua liga dengan empat mata.

Empat gol pastukan tuan rumah dijaringkan oleh Faizal Saari pada minit ke-18, Jang Jonghyun (minit -24), Mohd Fitri Saari (minit 48) dan Muhamad Rashid Baharom di penghujung perlawanan.

Sementara itu, pasukan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) turut mencatat kemenangan sulung pada musim ini selepas menang tips 2-1 ke atas pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM), 2-1 di Stadium Hoki Tun Razak dengan berkongsi empat mata di tangga ketiga.

Aksi liga akan diteruskan pada 18 Januari ini melibatkan kesemua pasukan.



Pemain TNB meraikan gol ketiga pasukan hasil jaringan Tengku Ahmad Tajuddin pada minit ke-18 di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, kelmarin.